

Melahirkan masyarakat kalis jenayah

B.H m/s 10 28.2.07

Keprihatinan semua pihak mampu kekang penularan kegiatan negatif

Aspirasi



Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

INTI PATI

Antara punca kejadian jenayah

- Kesan daripada pemodenan dan pembangunan. Akibat terpengaruh dengan suasana persekitaran, lemah jati diri tidak mempunyai daya saing jitu, terlalu mengikut emosi, keruntuhan akhlak serta tidak ada didikan agama.
- Kemiskinan juga punca menyebabkan berlakunya kejadian jenayah. Banyak kes dikesan berpunca daripada masalah kehimpitan hidup. Atas dasar inilah kerajaan berusaha membasmi kemiskinan di negara ini.
- Kes jenayah biasanya berpunca daripada remaja hilang arah tuju. Akibat percampuran dan pergaulan tidak dibimbing, mereka melakukan perbuatan menyalahi undang-undang.

nusiaan. Jika setakat kes buang anak di tepi longkang atau meninggalkan anak kecil di surau, sudah tidak ada orang menganggapnya sebagai zalim lagi kerana ia sering dilaporkan.

Jika kes seseorang mati akibat ditikam juga sudah tidak menarik perhatian kerana sudah ada kejadian lebih dahsyat daripada itu dilaporkan. Kes jenayah biasa pula sudah tidak lagi dianggap berita yang boleh melariskan akhbar. Sebaliknya, lebih dahsyat sesuatu kejadian jenayah itu dilakukan, lebih mudah berita seperti itu mendapat tempat di dada akhbar. Masalah komunikasi ini seharusnya juga diberi perhatian pihak berkuasa sekali pun bersetuju media perlu diberi kebebasan menyiarakan berita.

Kemiskinan juga satu punca menyebabkan berlakunya kejadian jenayah. Banyak kes dikesan berpunca daripada masalah kehimpitan hidup. Atas dasar inilah kerajaan berusaha membasmi kemiskinan di negara ini. Pelbagai program dilakukan untuk mengeluarkan rakyat daripada dihimpit masalah kemiskinan. Kurangnya kes jenayah di kalangan masyarakat luar bandar jelas menunjukkan sudah ramai

kan langkah keselamatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri mahu polis meningkatkan kawalan serta mengerah anggota membuat rondaan di kawasan berisiko tinggi jenayah termasuk di ibu negara. Pada masa sama, Perdana Menteri sering tidak lupa mengucapkan terima kasih dan tahniah terhadap kejayaan polis dalam membanteras jenayah.

Mengulas suatu kes rompakan, Perdana Menteri berkata, tindakan pantas polis memberkas penjenayah menjadi penghalang kepada pihak lain yang mahu melakukan kegiatan itu. Jika polis sentiasa pantas, penjenayah tahu mereka tidak boleh merompak.

Perbuatan unsur jenayah, dalam apa bentuk sekali pun, mestilah dicegah. Apa juga tindakan boleh menjurus kepada perbuatan jenayah perlu dielakkan. Ia langkah paling mujarab dalam membanteras jenayah.

Itu sebabnya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika mengulas kes penderaan terhadap seorang pelatih Kolej Tentera Udara (KTU) Kepala

KES isteri berang menjerut leher dua anak kecilnya dengan wayar seterika sehingga mati di Bayan Lepas, Pulau Pinang minggu lalu, berikutan tindakan suaminya dikatakan hendak berkahwin lain, menimbulkan pelbagai persoalan. Seminggu sebelum itu, di Sentul, Kuala Lumpur, seorang bapa menjerut leher dua anaknya selepas dikatakan berselisih faham dengan isterinya, sebelum dia ditemui mati selepas meminum bahan pencuci lantai.

Dua kejadian ini antara rentetan kes jenayah di negara ini dan memerlukan pemerhatian semua pihak. Kejadian jenayah di negara ini juga menunjukkan tindakan jenayah seperti itu berlaku bertali arus seolah-olah menjadi trend jenayah.

Jika ada kes menjerut anak dilaporkan media kes sama akan berlaku. Jika kes ragut dilaporkan media, maka berulang-ulang kes ragut berlaku. Jika kes mangsa along dilaporkan, maka banyaklah berita hampir sama membabit kejadian itu mendapat ruang di media, yang membezakannya ialah penjenayah terbabit, mangsa dan tempat jenayah dilakukan. Paling membimbangkan ialah bentuk kes jenayah biasa, sudah tidak dianggap mengerikan lagi kerana ia sering dilaporkan akhbar macam 'alah biasa, tegal biasa'.

Daripada begitu banyak kes jenayah di depan dan belakang mata kita, apakah pasukan polis harus dipersalahkan? Polis hanya bertanggungjawab mengawal keselamatan dan ketenteraman awam. Setiap individu bertanggungjawab, sama ada mahu terbabit dalam kegiatan jenayah atau menjauhkan diri. Bagi orang Melayu beragama Islam, mereka tidak terkecuali daripada terbabit melakukan kes jenayah. Banyak kes jenayah hari ini turut dilakukan orang Melayu.

Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria ketika berucap pada Wacana Ilmuwan Islam sempena pelancaran Dewan Amal Islam Hadhari (Damai) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 17 Februari lalu membuat satu

ungkapan menarik. Jika dulu, bila disebut istilah samseng, gambaran wajah Melayu jarang terlintas di fikiran. Hari ini bila saja disebut istilah samseng, kita tidak dapat lari daripada mengaitkannya dengan orang Melayu.

Malangnya, semua ini berlaku ketika kerajaan cuba membawa masyarakat Malaysia ke satu arah yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Melihat daripada kes jenayah dilaporkan, usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat supaya menjadi masyarakat berbudi pekerti tinggi, agak terbantut. Walaupun hanya segelintir terbabit dalam kes jenayah, ia tetap mencatitkan soal ketenteraman dan keselamatan negara.

Kejadian jenayah turut berpunca daripada kesan pemodenan dan pembangunan. Akibat terpengaruh dengan suasana persekitaran, lemah jati diri tidak mempunyai daya saing jitu, terlalu mengikut emosi, keruntuhan akhlak, tidak ada didikan agama dan pelbagai faktor lain yang terus dikaji sarjana dan pakar sains sosial dan sains politik, kejadian jenayah membabitkan orang Melayu, tidak berakhir.

Bukan saja perangkaannya meningkat, bentuk jenayah dilakukan juga sudah dianggap terkeluar daripada naluri kema-

rakyat keluar daripada garis kemiskinan. Kes jenayah biasanya berpunca daripada remaja hilang arah tuju. Akibat percampuran dan pergaulan tidak dibimbing, mereka melakukan perbuatan menyalahi undang-undang. Itulah sebabnya polis amat bimbang dengan peningkatan bilangan remaja terutama pelajar sekolah terbabit dalam kes jenayah.

Seperti dijelaskan Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Musa Hassan sempena wacana bulanan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertajuk Jenayah dan Perubahan Nilai Dalam Masyarakat Malaysia di Menara DBP, baru-baru ini, menyatakan kes jenayah membabitkan remaja dan pelajar di seluruh negara meningkat sebanyak 295 kes tahun lalu.

Sebanyak 6,838 kes jenayah termasuk jenayah kekerasan, harta benda terutama kes mencuri motosikal membabitkan remaja dilaporkan tahun lalu berbanding 5,543 kes pada tahun sebelumnya. Tahun lalu juga, seramai 8,113 remaja berusia antara 16 dan 18 tahun ditahan dan daripada jumlah itu 3,545 adalah pelajar.

Kabinet sering berbincang mengenai tahap keselamatan di seluruh negara berikutan meningkatnya kes jenayah. Malah, jika ada kejadian ragut dan samun juga, Kabinet akan membangkitkan kes berkenaan, manakala polis diminta meningkat-

Batas, di Kedah, baru-baru ini berkata, hukuman setimpal perlu dikenakan terhadap mereka terbabit ialah disingkir dan dihadapkan ke mahkamah. Tindakan itu terkutuk dan tidak boleh diterima sama sekali dan bertentangan dengan segala bentuk disiplin sepatutnya dihormati.

Melakukan jenayah adalah kesalahan besar tidak kira apa juga kedudukan status sosial pelakunya. Malangnya, hari ini orang Melayu turut terjebak dengan kejadian jenayah memalukan. Atas dasar ini Kementerian Pelajaran mempunyai tugas berat dalam mendidik anak bangsa.

Cabaran paling mencabar, seperti dijelaskan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bahawa ada pihak tertentu sedang merekrut samseng di sekolah. Lebih menyedihkan apabila ada laporan mengatakan sekiranya ganjaran yang menanti apabila menyertai kumpulan samseng itu lumayan, gangsterisme boleh menjadi pilihan kerjaya apabila mereka meninggalkan sekolah. Ia keadaan mencemaskan dan memerlukan pemerhatian semua pihak sama ada ibu bapa, guru, masyarakat, polis, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)